

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 14/08/2007

# PM, Sultan Brunei mula perundingan

Daripada ROZAMAN ISMAIL

UM - 14/8/2007

BANDAR SERI BEGAWAN 13 Ogos - Perundingan Tahunan Ke-11 antara Malaysia dan Brunei bermula hari ini dengan tumpuan kepada usaha meningkatkan perdagangan dan pelaburan selain meneruskan perbincangan berhubung isu-isu berkaitan persempadanan kedua-dua negara.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Sultan Hassanal Bolkiah mengadakan pertemuan empat mata kira-kira satu setengah jam di Istana Nurul Iman.

Beliau berkata, antara isu yang akan dibincang pada mesyuarat dua hari itu ialah menambah baik hubungan Malaysia-Brunei dalam pelbagai bidang termasuk pendidikan.

"Sebagai negara berjiran, Malaysia berharap dapat menarik lebih banyak pelaburan dari Brunei untuk pembangunan di Koridor Pembangunan Sabah dan Sarawak sekali gus membantu pertumbuhan Kawasan Pertumbuhan Asia Timur Brunei-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA) serta Program Jantung Borneo," katanya pada sidang akhbar di sini, hari ini.

Selain itu, kata Syed Hamid, kedua-dua pemimpin membincangkan isu-isu antarabangsa yang melibatkan dunia Islam seperti krisis di Lebanon, Palestin serta masalah Darfur, Sudan.

Ini, kata beliau, membuktikan Malaysia dan Brunei mempunyai pandangan dan pendapat yang sama dalam isu-isu serantau dan antarabangsa.

Menurut Menteri Luar itu, Abdullah dan Sultan Brunei juga menyentuh soaf berkaitan Sidang Kemuncak ASEAN di Singapura selain kerjasama dalam Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

## Harapan

"Satu pernyataan bersama berhubung Perundingan Tahunan Ke-11 akan dikeluarkan esok," katanya.

Ditanya mengenai penyelesaian kepada isu-isu yang dibincangkan pada perundingan tahunan lalu, Syed Hamid berkata, banyak perkara dapat dicapai dan diselesaikan khususnya berkaitan penggunaan visa dan kemasukan di sempadan Malaysia-Brunei yang memperlihatkan pergerakan rakyat di kedua-dua buah negara menjadi semakin mudah.

Kata beliau, pencapaian itu sekali gus dapat menterjemahkan harapan dan cita-cita pemimpin kedua-dua negara berhubung beberapa perkara yang dibincangkan itu.

Mengenai isu-isu melibatkan sempadan maritim, beliau berkata, isu itu ditangani oleh sebuah jawatankuasa khas kerana melibatkan perkara teknikal dan mengambil masa yang lama untuk diselesaikan.

Terdahulu, Abdullah bersama isteri, Datin Seri Jeanne Abdullah tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas di sini kira-kira pukul 1 petang.

Selepas mengadakan pertemuan empat mata dengan Sultan Brunei, Abdullah dan isteri meluangkan masa menghadiri jamuan teh di Pejabat Suruhanjaya Tinggi Malaysia di sini.

Pada sebelah malam, Abdullah dan isteri diraikan oleh Sultan Brunei pada satu majlis makan malam di Jerudong Park Country Resort.

- Utusan